

SKM lancar koperasi digital, KOPIN

Georgetown: Usahawan khususnya golongan muda disarankan mengambil peluang dengan menyertai Program Melestari Perniagaan Koperasi Melalui Digital bagi memperluaskan pasaran dan perniagaan mereka.

Program yang dilancarkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan kerjasama kerajaan negeri itu membolehkan usahawan menggunakan platform PGMall dan eBiz Co-op Mart untuk memasarkan barangan koperasi.

Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri dan Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan Pulau Pinang, Datuk Abdul Halim Hussain, berkata inisiatif itu bagi melestarikan penggunaan digital seiring dengan perkembangan terkini teknologi.

Katanya, program berkenaan bukan sahaja bagi merealisasikan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), tetapi turut memberi pendedahan perniagaan secara efisien kepada gerakan operasi selain berperanan memberi ilmu perniagaan secara dalam talian di negeri ini.

"Kita sudah mengadakan kur-

sus bagi menghadapi IR4.0 sebelum ini namun berikutan COVID-19, didapati penggunaan platform digital dalam perniagaan adalah berkesan dan menjadi satu keperluan.

"Di negeri ini, bidang kew-

 **Kita sudah mengadakan kursus bagi menghadapi IR4.0 sebelum ini namun berikutan COVID-19, didapati penggunaan platform digital dalam perniagaan adalah berkesan dan menjadi satu keperluan.**

Abdul Halim Hussain,
Pengerusi Jawatankuasa
Perdagangan Dalam Negeri
dan Antarabangsa, Hal Ehwal
Pengguna dan Pembangunan
Keusahawanan Pulau Pinang



Abdul Halim (lima dari kiri) dan Zakaria (tiga dari kiri) bersama empat wakil koperasi yang menerima Bantuan Pembangunan dan Tabung Modal Pusingan di KOMTAR, Georgetown, baru-baru ini. (Foto Zuhainy Zulkiffli/BH)

ngan, pemborongan dan peruncitan adalah yang paling aktif," katanya.

Abdul Halim ditemui selepas merasmikan majlis program berkenaan dan pelancaran Koperasi Rakyat Pulau Pinang Berhad (KOPIN), di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengarah SKM Negeri, Zakaria Mat Jusoh.

Pada majlis itu, SKM turut menyalurkan peruntukan Bantuan Pembangunan RM85,000 dan fasiliti pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP) berjumlah RM1.5 juta kepada empat kope-

rasi di Pulau Pinang.

Sementara itu, Zakaria berkata, terdapat 748 koperasi di negeri ini dan separuh daripadanya tidak aktif atas pelbagai faktor.

Katanya, daripada 128,000 ahli koperasi di negeri itu, seramai 46,000 daripadanya terdiri daripada pelajar.

"SKM menyasarkan seramai 500,000 penduduk akan menjadi anggota KOPIN menjelang Disember 2020.

"Diharap anggota koperasi lebih kreatif dan bijak mengambil peluang, termasuk dalam Ekonomi Gig," katanya.

Sementara itu, Pengurus Koperasi Qaryah Masjid Bertam Indah Kepala Batas Berhad, Azmi Ismail, berkata pihaknya menerima TMP sebanyak RM50,000 bagi membangunkan koperasi yang diusahakan bersama 500 ahlinya.

Katanya, koperasi itu diusahakan sejak 16 tahun lalu dengan pusingan modal RM16,000 dan turut memasarkan barangan menerusi jualan dalam talian.

"Setiap ahli menerima dividen sebanyak 10 peratus dan produk yang dijual adalah keluaran Muslim dan diusahakan penduduk kampung," katanya.